

Dakwaan media asing tidak benar

JUM 25 JUN 2002

KUALA LUMPUR 24 Jun — Dakwaan media asing bahawa Malaysia berada dalam keadaan tidak menentu sekarang ini berikutan isu peletakan jawatan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah tidak benar.

Malah, dakwaan itu disifatkan sebagai tidak berasas kerana sehingga ke hari ini, Dr. Mahathir masih kekal sebagai Perdana Menteri.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, walaupun masih terkejut dengan peristiwa itu tetapi kerajaan tidak terjejas dan kekal kukuh serta mantap.

Menurutnya, setakat ini, tidak ada sebarang perubahan yang ketara dalam kerajaan mahupun keadaan dalam negara.

"Dunia boleh berkata apa sahaja tetapi kita sebenar-

pada pemberita selepas merasmikan majlis pra pelancaran Hari dan Minggu Pengguna Malaysia 2002, di sini, hari ini.

Beliau berkata, sekiranya Dr. Mahathir melepaskan jawatannya, keadaan akan tetap stabil kerana Malaysia mempunyai sistem dan mekanisme yang akan menentukan tindakan kerajaan seterusnya.

Mengenai dakwaan yang menyatakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi belum bersedia memikul tugas memimpin negara, Muhyiddin berkata, tidak wajar untuk membuat perbandingan antara Abdullah dengan Dr. Mahathir.

"Dr. Mahathir sudah menjadi Perdana Menteri selama 21 tahun dan diiktiraf sebagai pemimpin dunia tetapi siapa pun tidak dapat membayangkan perkara ini semasa beliau memulakan tugasnya."

"Malah, beliau dicap sebagai 'ultra Melayu tetapi lihatlah sekarang, setiap rakyat Malaysia sayang dan menerima beliau," jelasnya.

Katanya, perbandingan seperti itu tidak diperlukan dan beliau yakin Abdullah mampu menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya pada bila-bila masa.

Mengenai kejatuhan indeks di Bursa Saham Kuala Lumpur, Muhyiddin berkata, perkara itu sudah dijangka tetapi tidak perlu dibimbangkan.

Katanya, asas ekonomi Malaysia adalah kukuh dan kejatuhan tersebut hanya bersifat sementara dan boleh dipulihkan.

"Kita tidak boleh sekat orang membuat andaian dan ramalan. Itu hak mereka tetapi yang penting ialah dasar kerajaan tidak berubah," tegasnya.

nya yang lebih tahu keadaan dalam negara ini," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata demikian ke-